

Terma-terma dan Syarat-syarat  
**Kempen Pindahan Baki (BT) dan Pelan Ansuran Transaksi Runcit (RSVP) Kad Kredit-i Bank Islam**  
**"Dah RSVP?"**  
**"1 Jun 2020 – 30 September 2020"**

**Tempoh Kempen**

1. Bank Islam Malaysia Berhad ("**Bank Islam**") menganjurkan Kempen "**Dah RSVP?**" ("**Kempen**"). Kempen ini bermula dari **1 Jun 2020 – 30 September 2020** ("**Tempoh Kempen**"). Bank Islam dirujuk sebagai ("**Pihak Penganjur**").
2. Pihak Penganjur berhak menukar, meminda atau melanjutkan Tempoh Kempen sekiranya perlu.

**Kelayakan**

3. Kempen ini terbuka kepada semua Ahli Kad Utama Kad Kredit-i Bank Islam yang merupakan warganegara Malaysia dan berumur 21 tahun dan ke atas ("**Ahli Kad**").
4. Golongan individu berikut **tidak layak** untuk menyertai Kempen ini:
  - a) Ahli Kad yang membatalkan Kad Kredit-i Bank Islam dalam Tempoh Kempen; atau
  - b) Ahli Kad yang menutup semua akaun dengan Bank Islam dalam Tempoh Kempen atau selepas Tempoh Kempen (sehingga pulangan tunai dikreditkan ke dalam akaun Kad Kredit-i Ahli Kad).
5. Setiap permohonan daripada Ahli Kad untuk menyertai program RSVP hendaklah dibuat melalui panggilan telefon ke Unit Khidmat Pelanggan Pusat Kad Bank Islam di talian 03 2726 7666 atau Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan Bank Islam di talian 03 2690 0900 atau melalui cara-cara lain yang dimaklumkan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa.
6. Bagi permohonan BT, Ahli Kad hendaklah melengkapkan Borang Pindahan Baki (Lampiran 1) dan emel atau faks kepada alamat yang tertera pada borang tersebut atau melalui cara-cara lain yang dimaklumkan oleh Bank Islam dari semasa ke semasa.

**Mekanisma Kempen**

7. Ahli Kad perlu melakukan BT minimum RM3,000 dan keatas dari akaun kad kredit bank lain atau RSVP minimum RM3,000 dan ke atas menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam.
8. Untuk setiap BT atau RSVP berjumlah RM3,000 dan keatas yang dilakukan, Ahli Kad akan menerima pulangan tunai RM100.
9. Pulangan Tunai terhad kepada 1,000 transaksi pertama yang memenuhi mekanisma di atas sepanjang tempoh kempen ("**Pemenang**").
10. Maksimum pulangan tunai untuk setiap Pemenang ialah RM200 sahaja.
11. Pulangan tunai akan dikreditkan ke akaun Kad Kredit-i Para Pemenang dalam masa satu (1) bulan dari tarikh nama para pemenang diumumkan.
12. Tiada yuran atau caj tambahan untuk permohonan BT. Kadar keuntungan yang dikenakan akan mengikut kadar keuntungan semasa transaksi runcit (17.5% atau 16% atau 13.5% berdasarkan peringkat kadar keuntungan dikenakan).

13. Caj sekali sebanyak 4.5% atas jumlah RSVP akan dikenakan untuk setiap permohonan RSVP.
14. Sebarang perbelanjaan yang dilakukan dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia (RM) berdasarkan kepada kadar pertukaran semasa Visa Worldwide / Mastercard Worldwide.
15. Contoh kelayakan Ahli Kad untuk ilustrasi:-

NO	PELANGGAN	TRANSAKSI / AKTIVITI	KELAYAKAN PULANGAN TUNAI
1	Zaim	<p>02/06/2020 – Zaim membuat BT dari akaun Kad Kredit Bank A beliau sebanyak RM13,000.</p> <p>15/06/2020 – Zaim membuat RSVP menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam beliau sebanyak RM12,500.</p> <p>20/06/2020 – Zaim membuat RSVP menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam beliau sebanyak RM5,500.</p>	<p>Beliau layak untuk mendapat pulangan tunai RM100 sekiranya transaksi tersebut merupakan antara 1,000 transaksi terawal dalam Tempoh Kempen.</p> <p>Beliau layak untuk mendapat tambahan pulangan tunai RM100 sekiranya transaksi tersebut merupakan antara 1,000 transaksi terawal dalam Tempoh Kempen.</p> <p>Beliau tidak berhak untuk mendapat sebarang pulangan tunai jika beliau telah menerimanya melalui transaksi BT yang dilakukan pada 02/06/2020 dan transaksi RSVP pada 15/06/2020 kerana maksimum pulangan tunai bagi setiap Ahli Kad sepanjang Tempoh Kempen adalah RM200 sahaja.</p>
2	Syazwan	<p>19/06/2020 – Syazwan membuat RSVP menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam beliau sebanyak RM1,500.</p> <p>20/07/2020 – Syazwan membuat RSVP menggunakan Kad Kredit-i Bank Islam beliau sebanyak RM3,500.</p>	<p>Beliau tidak layak untuk mendapat pulangan tunai kerana jumlah perbelanjaan beliau kurang dari had minimum yang ditetapkan iaitu RM3,000.</p> <p>Beliau layak untuk mendapat pulangan tunai RM100 sekiranya transaksi tersebut merupakan antara 1,000 transaksi terawal dalam Tempoh Kempen.</p>

NO	PELANGGAN	TRANSAKSI / AKTIVITI	KELAYAKAN PULANGAN TUNAI
		01/10/2020 – Syazwan membuat BT dari akaun Kad Kredit Bank A beliau sebanyak RM25,000.	Beliau tidak layak untuk mendapat pulangan tunai kerana transaksi BT telah dibuat selepas Tempoh Kempen tamat.

16. Hadiah-hadiah tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukarkan dengan barangan lain secara sebahagian atau sepenuhnya.
17. Sebarang Terma-terma dan Syarat-syarat yang tidak dipatuhi boleh menyebabkan penyingkiran Ahli Kad dari Kempen ini, dan Ahli Kad yang lain akan dipilih sebagai pemenang.

### Syarat Am

18. Ahli Kad adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat di sini sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana Kempen kami.
19. Untuk mengambil bahagian di dalam kempen kami, Ahli Kad mestilah termasuk di dalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisma Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Bank Islam, Ahli Kad tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam kempen tersebut.
20. Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Ahli Kad :
  - (a) akan membenarkan Bank Islam untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank Islam setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini;
  - (b) akan bersetuju untuk pihak Bank Islam menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambarnya di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank Islam untuk tujuan Kempen ini (dimana berkenaan); dan
  - (c) akan bersetuju dengan keputusan Bank Islam terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, pemilihan para pemenang dan hadiah-hadiah melalui enjin cabutan umum Bank Islam adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Ahli Kad dan tiada surat menyurat selanjutnya dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank Islam akan dilayan.
21. Bank Islam dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap di bawah tanggungjawab para pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kepada kedudukan kewangan mereka.
22. Hadiah-hadiah di dalam Kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam terma-terma dan syarat-syarat ini (jika ada).

23. Hadiah ini (dimana berkenaan) tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Para pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa Bank Islam tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika para pemenang menebus/memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh Bank Islam.
24. Jika hadiah (dimana berkenaan) yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa jua sebab, Bank Islam di atas budi bicara mutlaknya berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi atau dengan apa jua hadiah yang Bank Islam anggap sesuai dengan memberikan notis kepada Ahli Kad sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh pengumuman pemenang dijadualkan akan dibuat oleh Bank Islam. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui cara elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman sesawang Bank Islam.
25. Para pemenang akan dihubungi oleh Bank Islam melalui telefon sekurang-kurangnya sebanyak tiga (3) panggilan telefon kepada para pemenang bagi mengatur pemungutan/penyerahan hadiah. Bank Islam akan menghubungi para pemenang melalui Nombor Telefon Bimbit, Nombor Telefon Pejabat atau Nombor Telefon Rumah sepertimana yang terdapat di dalam rekod Bank Islam. Sekiranya para pemenang gagal dihubungi, Bank Islam berhak untuk membuat cabutan baru/lain untuk Ahli Kad yang lain sebagai pemenang. Wakil para pemenang tidak dibenarkan untuk mengambil hadiah bagi pihak mereka.
26. Para pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Para pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.
27. Bagi mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, Bank Islam akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen ini, para pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media mengikut budi bicara Bank Islam. Oleh yang demikian, Bank Islam berhak untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar para pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.
28. Bank Islam dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan/atau kehilangan ke atas nyawa dan/atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen ini dan adalah tidak bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun samada secara langsung atau tidak langsung, ke atas sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa kecederaan peribadi dan/atau apa-apa yang dialami oleh Ahli Kad yang berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagian, berhubung dengan penyertaan Ahli Kad dalam Kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah dan/atau akibat daripada sebarang tindakan atau pengabaian apa jua dari Bank Islam, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang. Bank Islam tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun bagi segala urusan di luar bidang dan kawalan Bank Islam dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini.
29. Bank Islam berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang

daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis melalui media elektronik, atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank Islam mahupun di laman sesawang Bank Islam. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh Bank Islam, tidak membolehkan Ahli Kad yang menyertai Kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank Islam bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa juga yang ditanggung atau dialami oleh Ahli Kad samada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

30. Ahli Kad adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank Islam dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
31. Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Kredit-i. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.
32. Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Ahli Kad bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

**Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di <https://www.bankislam.com/>**

## Lampiran 1: Borang Pindahan Baki

### BALANCE TRANSFER FORM / BORANG PINDAHAN BAKI

Kad Kredit-I Bank Islam

PLEASE SUBMIT THE FOLLOWING DOCUMENTS/ SILA SERTAKAN DOKUMEN-DOKUMEN BERIKUT

Copy of latest 2 months credit cards' statement from other bank. /  
Salinan 2 bulan penyata kad-kad kredit yang terkini daripada bank-bank lain

I would like to transfer the following outstanding credit card bill(s) with the amount(s) specified, provided the total amount transferred is within 100% of my available financing limit. / Saya ingin memindahkan baki tertunggak berikut dengan jumlah yang dinyatakan dengan syarat, jumlah yang dipindahkan adalah tidak melebihi had pembiayaan saya.

Cardmember's name (as shown on your Bank Islam Credit Card-i) / Nama pemegang kad (seperti dinyatakan dalam Kad Kredit-i Bank Islam)

Bank Islam Credit Card-i No. / No. Kad Kredit-i Bank Islam : ---

Bank Islam Credit Card-i Expiry Date / Tarikh Luput Kad Kredit-i Bank Islam : \_\_\_\_\_

No	Cardmember's Name (as shown on credit card) / Nama Ahli (seperti yang tertera pada kad kredit)	Card No / No Kad	Card Issuing Bank / Bank Pengeluar Kad	Amount to be transferred (RM) / Baki yang dipindahkan (RM)
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
Total amount to be transferred / Jumlah baki yang akan dipindahkan :				

**\*Application is one-time transfer only / \*Permohonan adalah untuk sekali pindahan sahaja**

This transfer is based solely on my instruction and has no implication on my relationship with any card issued. You may approve or reject my request at your sole discretion. I agree to abide by the terms & conditions of Bank Islam Credit Card-i.

Pindahan ini adalah berdasarkan arahan tunggal saya dan tiada implikasi terhadap hubungan saya dengan mana-mana pengeluar kad. Pihak bank berhak melulus atau menolak permohonan saya atas budi bicara pihak bank. Saya bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat dan peraturan dalam Kad Kredit-i Bank Islam.

Principal Cardmember's Signature /  
Tandatangan Pemegang Kad Utama : \_\_\_\_\_ Date /  
Tarikh : \_\_\_\_\_

FOR OFFICE USE ONLY / UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Processed by : \_\_\_\_\_ C/M Limit : \_\_\_\_\_  
Approved/ Declined by : \_\_\_\_\_ C/M Balance : \_\_\_\_\_  
RM : \_\_\_\_\_ Available Limit : \_\_\_\_\_

Pusat Kad Bank Islam  
Aras 24, Menara Bank Islam, No. 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur  
Email : [biicc.customer.service@bankislam.com.my](mailto:biicc.customer.service@bankislam.com.my) • Fax : 03-2726 7606

**BANK ISLAM**

Perbankan Pengguna | Perbankan PIS | Perbankan Komerstil | Perbankan Korporat | Deposit & Pengurusan Tunai | Operasi Perdagangan | Perbendaharaan  
T 603 26 900 900 URL [bankislam.com.my](http://bankislam.com.my) [facebook.com/bankislamfb](https://www.facebook.com/bankislamfb)